

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 (14)

21 Februari 2021
9 Rejab 1442

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 10/2021

PEMAKLUMAN KEMUDAHAN PUSAT KUARANTIN UTM BAGI STAF YANG DIARAH KUARANTIN BERKAITAN KES COVID-19 UTM

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan UTM (JPU) Bil. 3/2021 pada 2 Februari 2021 telah meluluskan kemudahan Pusat Kuarantin UTM bagi staf yang diarah kuarantin berkaitan kes COVID-19.

2. Kemudahan Pusat Kuarantin UTM ini adalah sebagai tanda keprihatinan Universiti terhadap staf yang memerlukan. Penyediaan pusat kuarantin ini adalah sebagai kemudahan kepada staf yang telah diarahkan untuk menjalani kuarantin diri di rumah, tetapi menghadapi kesulitan dan kesukaran dalam tempoh pengasingan tersebut disebabkan keadaan kediaman yang tidak sesuai.

3. Sebagai makluman, tempat yang disediakan adalah terbuka kepada staf UTM yang berada pada Gred 41 ke bawah. Staf boleh memohon apabila telah disahkan sebagai pesakit COVID-19 dalam Kategori 1 (tiada gejala) atau Kategori 2 (mempunyai gejala ringan) dan telah mendapat arahan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menjalani proses kuarantin atau pengasingan diri di rumah. Bagi staf yang memenuhi ciri-ciri yang dinyatakan dan berkeperluan, perlulah berhubung dengan Pegawai Sumber Manusia (PSM) Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing untuk tindakan selanjutnya.

4. Perlu diingatkan bahawa kemudahan yang disediakan adalah terhad dan staf adalah tertakluk dengan peraturan Universiti dan peraturan yang telah ditetapkan di pusat kuarantin berkenaan. Untuk maklumat lanjut, staf boleh berhubung dengan HR Helpline – 011-16522655 atau pegawai-pegawai seperti berikut:

- i. Puan Nor Azizah binti Ismail, Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar – 019-7071217
- ii. Puan Norazlina binti Md. Zaid, Timbalan Pendaftar, Bahagian Pengurusan Organisasi, Jabatan Pendaftar – 017-7330636

- iii. Puan Nurnasuha binti Syed Alwi, Penolong Pendaftar, Bahagian Pengurusan Organisasi, Jabatan Pendaftar) – 013-5902366
- iv. En. Shahrel Ahmad bin Suhel Ahmad, Penolong Pendaftar, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar – 010-7095814

5. Oleh yang demikian, dipohon kerjasama semua staf UTM untuk mengambil maklum akan perkara ini.

Sekian, terima kasih.

“Prihatin Rakyat: Darurat Memerangi COVID-19”

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan - Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

SNR/kma